

# Tiga reptilia ular

## Spesies ular air

→ Spesies ini adalah paling berbisa kerana patukannya meracuni tubuh mangsa dan menyebabkan kekejangan abdomen yang serius.

→ Biasanya mangsa mengalami kesan kesakitan serius dan boleh meragut nyawa dalam tempoh dua hingga 12 jam. Paling menggerunkan, ular air tidak ada antivenom.



## Spesies Elapid

→ Patukan ular daripada spesies ini berupaya melemahkan otot mata dan dengan bengkak yang kecil.  
→ Mangsa mengalami kegagalan pernafasan dan boleh menyebabkan kematian dalam tempoh 48 jam jika tidak dirawat.  
→ Patukan ular daripada keluarga elapid memiliki antivenom.

## Spesies viper

→ Patukan ular daripada keluarga ini menyebabkan kesan lumpuh dan pendarahan.  
→ Mangsa mengalami kesan renjatan pada tubuh dan membawa kematian dalam tempoh 72 jam jika tidak dirawat.  
→ Patukan ular keluarga viper juga memiliki antivenom.



## Proses menghasilkan venom

Bisa ular disuntik pada haiwan sama ada kuda atau kambing. Hasil suntikan itu akan menghasilkan antibodi melalui tindak balas imunisasi. Antibodi itu diproses lagi untuk hasilkan antivenom yang boleh melawan dan netralkan bisa ular.



## Info

## Rawatan kecemasan

### Jika sengatan berbisa berlaku

- Jangan alih atau gerakkan mangsa. Bisa bergerak dengan pantas menerusi pergerakan.
- Basuh bekas sengatan.
- Balut seluruh bahagian gigitan.
- Dapatkan rawatan doktor dengan segera.

### Bila perlu mendapatkan rawatan

- Sengatan menyebabkan rasa sakit, bengkak, merah dan gatal.
- Jangkitan setempat seperti gatal, bengkak, kemerahan dan kesakitan yang merebak. Rasa sakit juga bertambah.
- Rasa sakit bertambah, bengkak semakin besar untuk beberapa hari.
- Jika anda berhadapan masalah alahan kerana sengatan serangga berbisa.
- Bengkak dan ruam seluruh badan, sukar bernafas atau rasa tercekik. Kepala pening atau pitam (anafilaksis).

# Antibodi lemah punca alahan serius

**Mengulas** mengenai panduan kecemasan awal, Pegawai Perubatan Kecemasan HCTM, PPUKM, Dr Noriani Daud, berkata sekiranya dipatuk ular mangsa perlu mendapatkan rawatan antivenom secepat mungkin dan

prosedur ini hanya boleh dilakukan di hospital. Beliau berkata, menyedut racun dengan mulut dan memotong luka seperti dilihat filem atau drama hanya memburukkan kecederaan. Ini tidak harus dilakukan sebagai

langkah rawatan pertama selepas dipatuk.

### Dua risiko teruk

"Bisa sengatan bergantung kepada jenis binatang yang menyerang. Jika terkena sengatan, dua risiko paling teruk akibat kesan gigitan


atau sengatan adalah alahan yang membawa maut dan jangkitan.

"Bagi mereka yang tidak mempunyai antibodi yang kuat hipersensitif, patukan binatang berbisa boleh menyebabkan reaksi alahan teruk.

"Kesannya mangsa boleh meninggal dunia dalam tempoh kurang 20 minit jika tidak dirawat. Jika serangan setempat dan tidak merebak ke kawasan lain, rasa sakit juga surut, sengatan itu tidak berbahaya," katanya.

## Jangan buat...

→ Jangan ikat bahagian anggota badan yang dipatuk atau letakkan ais.



→ Jangan urut atau membelah bahagian dipatuk. Juga dilarang menyedut bisa ular.

→ Jangan ambil kafein atau alkohol kerana ia boleh menggalakkan penyebaran bisa.




→ Jangan cuba menangkap ular. Ingat jenis atau warna ular untuk memudahkan rawatan, lebih mudah ambil foto.



## Perlu buat...

→ Bertenang dan jauhkan diri dari kedudukan ular



→ Berdiri tegak jika boleh. Dengan kedudukan tersebut diharapkan bisa ular akan turun di bawah paras jantung.



→ Bersihkan tempat patukan tetapi jangan menggunakan air. Balut dengan kain bersih dan kering.



→ Segera dapatkan rawatan di klinik atau pusat perubatan berhampiran.

## Siapa boleh dihubungi jika terlihat ular?

Perhilitan: 1-800 855 151 (9 pagi-5 petang), Jabatan Bomba dan penyelamat: 999, Marak: 012-688 8051, JPAM: 03-3371 0820 (Selangor), 03-2687 1400 (Kuala Lumpur)